



KENYATAAN MEDIA

MTPIN PERKUKUH TINDAKAN IKLIM NEGARA, TIGA PELAN STRATEGIK SOKONG NDC 3.0 MALAYSIA DIBENTANG

Mesyuarat Ketujuh Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara (MTPIN) Bil. 1/2026, hari ini telah dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim di Putrajaya. Mesyuarat diadakan bertujuan untuk memperkukuh hala tuju tindakan iklim negara melalui keputusan strategik bagi mempercepat peralihan Malaysia ke arah ekonomi rendah karbon.

Mesyuarat tersebut turut meneliti empat (4) kertas pertimbangan dan satu (1) kertas makluman yang memberi fokus kepada usaha memperkukuh daya tahan negara terhadap impak perubahan iklim serta mempercepat pelaksanaan agenda pembangunan rendah karbon.

Selain itu, tiga (3) pelan tindakan strategik bagi menyokong *Nationally Determined Contribution* (NDC) 3.0 Malaysia kepada Perjanjian Paris juga dipertimbangkan, iaitu Pelan Tindakan Peralihan Adil; Pelan Tindakan Gender serta Strategi Pembiayaan dan Pelaburan. Ketiga-tiga pelan tindakan ini menjadi pemangkin pelaksanaan komitmen iklim negara secara inklusif, adil dan mampan, demi memastikan manfaat peralihan kepada ekonomi rendah karbon dinikmati semua lapisan masyarakat.

Mesyuarat juga bersetuju dengan cadangan melantik Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA) sebagai *National Focal Point* (NFP) bagi *Fund for Responding to Loss and Damage* (FRLD) di bawah Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC) bagi memperkukuh akses Malaysia kepada pembiayaan antarabangsa berkaitan impak perubahan iklim.

Antara perkara lain yang dibincangkan ialah persiapan penyertaan Malaysia ke Persidangan Negara Ahli Ke-31 Konvensyen Rangka Kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai Perubahan Iklim (UNFCCC COP31) di Antalya, Türkiye bagi memperkukuh komitmen negara dalam rundingan perubahan iklim di peringkat antarabangsa.

Mesyuarat juga menerima pembentangan *Country Climate and Development Report* (CCDR) oleh World Bank sebagai rujukan strategik dalam memperkukuh dasar serta agenda pembangunan ekonomi rendah karbon negara.

Status pelaksanaan Program Bandar Rendah Karbon yang diterajui oleh *Malaysia Green Technology and Climate Change Corporation* (MGTC) turut dibentangkan. Program ini terus menunjukkan kemajuan positif dalam menyokong pengurangan pelepasan gas rumah kaca serta memperkukuh pembangunan bandar yang mampan.

Mesyuarat ini telah dihadiri oleh Menteri-Menteri Persekutuan, Menteri Besar dan Ketua Menteri atau wakilnya, Ketua Setiausaha Negara serta pakar-pakar dalam bidang perubahan iklim.

Kerajaan kekal komited memperkukuh tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim melalui pendekatan menyeluruh melibatkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, sektor swasta, institusi kewangan, komuniti dan rakyat bagi memastikan peralihan ke arah ekonomi rendah karbon dilaksanakan secara adil, inklusif dan berdaya tahan, selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan komitmen di bawah Perjanjian Paris.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM (NRES)
8 JULAI 2026

